

28 OCT 2000

Mahathir-Levi

PENGECUALIAN CUKAI TIDAK SEBABKAN PENGALIRAN KELUAR BANYAK MODAL

Oleh: Tham Choy Lin

HONG KONG, 28 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak menjangka pengaliran keluar sebahagian besar modal dari negara berikutan keputusan kerajaan untuk mengecualikan pelabur daripada membayar levi atas keuntungan portfolio selepas satu tahun.

"Saya tidak menjangka sebahagian besar modal jangka pendek akan mengalir keluar dari Malaysia. Dalam sebarang kes, mereka yang hendak membawa keluar dana mereka telahpun berbuat demikian, mereka yang mengekalkan modal mereka merupakan pelabur jangka panjang," kata beliau pada persidangan media selepas menyampaikan ucap tama mengenai Asia dan Masa Depan pada majlis jamuan Asia Society di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata apabila Malaysia melonggarkan kawalan modal tahun lalu, pelabur juga tidak menarik keluar pelaburan walaupun andaian dibuat bahawa mereka akan berbuat demikian.

"Tetapi mereka tidak berbuat demikian kerana memperolehi keuntungan besar dengan menyimpan dana mereka dalam negara," kata beliau.

Beliau berkata Malaysia mengumumkan pengecualian itu dalam belanjawan 2001 yang diumumkan semalam untuk memaklumkan kepada pelabur mengenai situasi itu.

"Tetapi memandangkan kebanyakan mereka ialah pelabur jangka panjang, ia bukan sesuatu yang akan teruk menjejaskan pasaran. Kami berpendapat bahawa kami telah mengambil langkah yang wajar kerana banyak permintaan supaya kami memansuhkan sepenuhnya cukai 10 peratus itu.

"Tetapi jika kami memansuhkannya, maka kami tidak boleh mengenakan semula cukai itu. Tetapi kami tidak memansuhkannya," kata beliau.

-- BERNAMA

TCL FAZ